114

Naib Canselor Terima Pangkat TUDM Dan Komandan Baru PALAPES UUM
Unit Komunikasi Korporat
Telah Dihantar: 23 April 2011 14:42
Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students
23 APRIL 2011/19 JAMADILAWAL 1432H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Khairy Mukhtaruddin
Gambar Oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NAIB CANSELOR TERIMA PANGKAT TUDM DAN KOMANDAN BARU PALAPES UUM

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak telah dilantik sebagai Komandan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) UUM. Perlantikan ini adalah serentak dengan pemakaian pangkat beliau sebagai Kolonel TUDM (Kehormat).

Anugerah pangkat Kolonel Kehormat pasukan PALAPES TUDM ini telah diluluskan oleh Persidangan Majlis Angkatan Tentera ke-500 berkuatkuasa 28 Februari 2011.

Upacara pemakaian pangkat tersebut telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) Jen. Tan Sri Dato' Sri Rodzali Daud dalam upacara yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Rajawali, Markas TUDM, Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur, Rabu lalu.

Sambil melahirkan penghargaan kepada pihak TUDM, Mustafa berkata "UUM sedia membantu TUDM khususnya Kolej Tentera Udara (KTU) Kepala Batas dalam apa jua keperluan berkaitan".

Tambah beliau, "KTU merupakan institusi yang menguruskan latihan kepada bakal pegawai dan staf TUDM. Lokasi KTU Kepala Batas yang berdekatan dengan UUM akan memudahkan pihak UUM menyalurkan apa jua bantuan kepada pihak mereka dan begitu jugalah sebaliknya".

Dalam hal ini, Mustafa berkata "Dengan kekuatan UUM sebagai sebuah Universiti Pengurusan yang terkemuka, UUM sedia bekerjasama dengan pihak TUDM terutamanya dalam meningkatkan bidang pengajaran dan penyelidikan".

Katanya lagi "UUM juga bersedia untuk membantu mengadakan program-program yang berteraskan aspek pengurusan, kepimpinan, ICT dan sebagainya kerana bidang ini merupakan bidang tujahan (*niche area*) Universiti ini".